KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH RENDAH (SMR)

GEOGRAFI

TINGKATAN III

PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

OBJEKTIF MATA PELAJARAN GEOGRAFI TINGKATAN 3

Kurikulum Geografi Tingkatan 3 membolehkan murid:

1. menentukan kedudukan berpandukan arah, skala dan jarak serta dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

2. memerhati, mengukur, mengira, merekod, mengelas, menilai, mentafsir dan membuat rumusan tentang ciri-ciri geografi melalui Kajian Geografi Tempatan.

3. memperoleh kemahiran melukis, melabel dan menyampaikan maklumat dalam bentuk jadual, pelbagai graf, carta pai, rajah dan peta lakar.

4. memperoleh kemahiran membaca, menghurai dan mentafsir serta membuat rumusan tentang ciri-ciri geografi berasaskan jadual, pelbagai graf, carta pai, rajah dan peta lakar.

5. menyata dan menjelaskan ciri-ciri geografi yang istimewa pada sumber dan kegiatan ekonomi di kawasan setempat, negara Malaysia serta negara-negara lain.

6. menyatakan saling berkait antara manusia dengan sumber dan antara manusia dengan kegiatan ekonomi yang membawa kesan terhadap alam sekitar.

7. menyatakan saling berkait dan saling bergantung antara negara Malaysia dengan negara-negara lain dalam pengurusan sumber dan kegiatan ekonomi.

8. menerangkan kesan penerokaan sumber dan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar.

9. menjelaskan pentingnya menguruskan sumber dengan bertanggungjawab dan bijaksana untuk kesejahteraan bersama.

10. menghuraikan sumbangan kegiatan ekonomi terhadap pembangunan negara.

11. bersyukur dengan pelbagai anugerah Tuhan.

12. mempunyai sikap patriotisme terhadap negara Malaysia.

BAHAGIAN A: KEMAHIRAN GEOGRAFI

Kemahiran Geografi yang dipelajari di Tingkatan 1 dan 2 dilanjut dan dipertingkatkan lagi. Bahagian ini bertujuan untuk membolehkan murid menguasai kemahiran geografi serta menghubungkaitkan antara aspek kedudukan, arah, skala dan jarak dalam organisasi ruangan.

Kandungan bahagian ini merangkumi kemahiran untuk menentukan kedudukan dengan menggunakan rujukan grid, arah dengan menggunakan bearing, skala dan jarak dengan menggunakan skala lurus, skala penyata dan pecahan wakilan. Kemahiran menggunakan garisan kontur sebagai satu simbol untuk menunjukkan ketinggian dan bentuk muka sesuatu dipelajari. Kemahiran menyusun data dan maklumat, melukis dan mentafsir graf bar mudah, graf garisan mudah, carta pai mudah, rajah dan peta turut dilaksanakan.

Pembelajaran kemahiran tersebut hendaklah dijalankan secara amali dalam alam persekitaran murid sendiri. Tujuannya untuk membolehkan murid menguasai dan mengamalkan kemahiran tersebut. Kemahiran yang telah dikuasai di peringkat Tingkatan 1 dan 2 hendaklah diaplikasikan dalam Geografi Fizikal dan Manusia dan Kajian Geografi Tempatan.

Unsur-unsur patriotisme diberi penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

BAHAGIAN A: KEMAHIRAN GEOGRAFI

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
1. Kedudukan 1.1 Rujukan Grid	Kedudukan	**Mengenal pasti kedudukan dengan menggunakan Rujukan Grid berasaskan peta topografi.** **Aras 1** • Mengenal pasti kedudukan Garisan Timuran dan Garisan Utaraan berasaskan peta topografi. • Menyatakan Rujukan Grid 4 angka dan 6 angka berdasarkan ciri-ciri geografi yang diberi. • Menamakan ciri-ciri geografi berdasarkan Rujukan Grid 4 angka dan 6 angka.		Menjelaskan garisan Timuran dan garisan Utaraan. Menunjuk cara membaca Rujukan Grid 4 angka dan 6 angka.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
		Aras 2 • Menunjuk cara penggunaan Rujukan Grid 4 angka dan 6 angka berdasarkan ciri-ciri geografi yang diberi. • Membandingkan dan membezakan penggunaan Rujukan Grid 4 angka dan 6 angka.		
1.2 Ketinggian		**Menentukan ketinggian dalam peta lakar yang berasaskan peta topografi.** **Aras 1** • Menyatakan cara mengenal ketinggian dalam peta lakar yang berasaskan peta topografi. • Menentukan ketinggian dalam peta lakar yang berasaskan peta topografi.		Membincangkan simbol-simbol ketinggian dalam peta lakar yang berasaskan peta topografi. Menjelaskan maksud selang kontur. Melengkapkan pengurusan grafik tentang simbol ketinggian dalam peta topografi. Mengumpul gambar tentang ciri-ciri bentuk muka bumi daripada pelbagai media seperti bahan bercetak dan internet. Menjalankan aktiviti permainan menyelesaikan masalah ketinggian dalam peta lakar.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
		Aras 2 • Membandingkan dan membezakan simbol-simbol ketinggian dalam peta lakar yang berasaskan peta topografi. **Aras 3** • Mengira ketinggian berpandukan selang kontur dalam peta lakar yang berasaskan peta topografi.		

1.3 Kontur dan Keratan Rentas		**Mengenal pasti bentuk muka bumi berdasarkan garisan kontur.**
		
		Aras 1
		
		• Menamakan bentuk muka bumi berdasarkan ciri-ciri garisan kontur:
		  • cerun curam
		  • cerun landai
		  • cerun bertangga
				Menjelaskan garisan kontur.
				
				Membincangkan bentuk muka bumi berdasarkan ciri-ciri garisan kontur melalui lukisan keratan rentas.
				
				Menghasilkan model bentuk muka bumi berdasarkan ciri-ciri garisan kontur.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
		Aras 2 • Melukis keratan rentas berdasarkan garisan kontur yang diberi • Menjelaskan ciri-ciri bentuk muka bumi berdasarkan keratan rentas yang dilukis.		
2. Arah	Bearing Arah	**Menentukan bearing dengan menggunakan jangka sudut di atas peta lakar berasaskan peta topografi.** **Aras 1** • Mengukur bearing sesuatu tempat dengan menggunakan jangka sudut di atas peta lakar berasaskan peta topografi.		Menunjuk cara mengukur bearing dengan menggunakan jangka sudut.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

3. Skala	Jarak
	Keluasan
		Menggunakan skala untuk menentukan jarak dan keluasan di atas peta lakar yang berasaskan peta topografi.
		
		Aras 1
		
		• Menyatakan jenis-jenis skala:
		  • skala lurus
		  • skala penyata
		  • pecahan wakilan
		
		• Mengukur jarak dengan menggunakan skala.
		
		• Mengira keluasan kawasan sekata berpandukan skala peta.
		
		Aras 2
		
		• Menukar dan menghubungkaitkan setiap skala:
		  • skala lurus
		  • skala penyata
		  • pecahan wakilan
		
		Mengira anggaran keluasan kawasan tidak sekata berpandukan skala peta.
				Menerangkan cara-cara menukar setiap skala.
				
				Menunjuk cara mengukur jarak antara dua tempat mengikut skala peta.
				
				Menunjuk cara mengira keluasan berdasarkan skala peta.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

4. Graf, carta dan rajah		**Menyusun maklumat dan data dalam bentuk jadual, melukis dan mentafsir graf, carta dan rajah.**
		
		Aras 1
		
		• Menyusun maklumat dan data dalam bentuk jadual.
		
		• Melukis dan melengkapkan:
		  • graf bar majmuk
		  • graf gabungan
		  • carta pai
		  • rajah aliran
		
		Aras 2
		
		• Membaca:
		  • graf bar majmuk
		  • graf gabungan
		  • carta pai
		  • rajah aliran
		
		Aras 3
		  • Mentafsir dan merumus graf, carta dan rajah.
			* Berusaha membangunkan negara Malaysia
			  - berbangga dengan kepelbagaian aktiviti ekonomi dan eksport negara Malaysia.
			
			* Bersatu dalam kepelbagaian
			  - berbangga dengan kepelbagaian komposisi penduduk negara Malaysia.
				Menunjukkan cara membina jadual, graf, carta dan rajah.
				
				Menjalankan aktiviti kumpulan untuk mengumpul jadual, graf, carta dan rajah daripada pelbagai media seperti bahan bercetak dan internet.
				
				Menerangkan cara mentafsir graf, carta dan rajah.
				
				Pembentangan hasil kerja secara berkumpulan.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
5. Peta	Pandang darat fizikal Pandang darat budaya	**Mengenal pasti pandang darat fizikal dan budaya dalam peta lakar yang berasaskan peta topografi.** **Aras 1** • Menyenaraikan pandang darat fizikal dan budaya berdasarkan simbol-simbol dalam peta lakar. **Aras 2** • Menghubungkaitkan pandang darat fizikal dan budaya dalam peta lakar. **Aras 3** • Mentafsir peta lakar.	* Mencintai negara Malaysia - berbangga terhadap kepelbagaian ciri-ciri pandang darat fizikal dan budaya negara Malaysia.	Membincangkan pandang darat fizikal dan budaya dalam peta lakar. Mengadakan kuiz tentang pandang darat fizikal dan budaya dalam peta lakar.

BAHAGIAN B: GEOGRAFI FIZIKAL DAN MANUSIA

Kajian mendalam dijalankan mengenai saling kaitan dan interaksi antara aspek kemanusiaan dengan aspek fizikal untuk memberi gambaran tentang bumi sebagai ruang kediaman dan kegiatan manusia.

Tumpuan kajian diberi kepada aspek-aspek interaksi ruangan daripada aspek pola, taburan dan perubahan yang wujud. Isu-isu yang timbul akibat interaksi itu juga diutamakan. Kandungan juga menekankan kajian mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar bagi menjamin penggunaan sumber alam dan kualiti hidup yang sempurna.

Kajian Geografi Fizikal dan Manusia berasaskan dua tema iaitu Sumber dan Kegiatan Ekonomi. Tumpuan kajian untuk melihat interaksi antara manusia dengan manusia dan manusia dengan alam sekitar. Skala kajian berfokuskan **negara Malaysia** dan perbandingan dengan **negara lain** dilakukan untuk melihat ciri-ciri persamaan dan kelainan yang wujud dalam aspek-aspek tertentu.

Kemahiran Geografi perlu diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk mengukuhkan persepsi murid terhadap organisasi ruangan.

Unsur-unsur patriotisme diberi penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

TEMA 7: SUMBER

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

7.1 Sumber-sumber utama	Sumber	**Memahami jenis-jenis sumber utama**
		
		Aras 1
		
		• Mentakrif sumber:
		  • boleh diperbaharui
		  • tidak boleh diperbaharui
		
		• Menyenaraikan jenis-jenis sumber utama:
		  • mineral
		  • hutan
		  • air
		  • tanih
		  • cahaya matahari/solar
		
		• Mengelaskan jenis-jenis sumber utama:
		  • boleh diperbaharui
		  • tidak boleh diperbaharui
			* Mencintai negara Malaysia
			  - bersyukur terhadap kepelbagaian sumber negara Malaysia.
				Mengadakan pidato spontan tentang sumber.
				
				Mengadakan tayangan video tentang sumber.
				
				Mengadakan aktiviti kumpulan untuk mengumpul maklumat tentang sumber daripada pelbagai media seperti bahan bercetak dan internet.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
7.2 Taburan pelbagai sumber a. Sumber mineral		**Memahami taburan sumber mineral negara Malaysia** **Aras 1** • Menyenaraikan jenis-jenis mineral logam dan bukan logam. • Menamakan jenis dan kawasan mineral di negara Malaysia: • petroleum dan gas asli • kaolin (tanah liat) • bauksit • emas • batu kapur • bijih timah • arang batu • tembaga (kuprum) **Aras 2** • Menanda dan menamakan taburan mineral di atas peta negara Malaysia.	* Mencintai negara Malaysia - bersyukur terhadap kepelbagaian sumber mineral	Membincangkan taburan mineral berpandukan pelbagai media seperti atlas dan internet. Mengadakan kuiz tentang taburan mineral negara Malaysia.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

b. Sumber hutan		**Memahami taburan hutan negara Malaysia**
		
		Aras 1
		
		• Menamakan jenis dan kawasan hutan negara Malaysia.
		
		• Menyenaraikan sumber hutan negara Malaysia:
		  • Hutan Hujan Tropika
		  • Hutan Paya
		  • Hutan Pantai
		  • Hutan Gunung
		
		Aras 2
		
		• Menanda dan menamakan taburan hutan di atas peta negara Malaysia.
			* Mencintai negara Malaysia
			  - bersyukur terhadap kepelbagaian sumber hutan.
				Memadankan jenis-jenis hutan dengan lokasinya di atas peta negara Malaysia.
				
				Menghasilkan buku skrap tentang jenis-jenis hutan negara Malaysia.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
c. Sumber tenaga		**Memahami pelbagai penggunaan sumber tenaga negara Malaysia** **Aras 1** • Menyenaraikan sumber tenaga yang digunakan di negara Malaysia: • petroleum dan gas asli • kuasa hidroelektrik • suria • arang batu • nuklear • biomas/biojisim • Menamakan sumber tenaga dan taburannya di negara Malaysia	* Mencintai negara Malaysia - berbangga dengan kepelbagaian sumber negara Malaysia.	Mengadakan aktiviti kumpulan untuk mengumpul maklumat tentang penggunaan sumber tenaga negara Malaysia. Membincangkan perubahan penggunaan sumber tenaga mengikut kepentingan, teknologi dan perubahan semasa berpandukan pelbagai media seperti bahan bercetak dan internet. Mengadakan tayangan video. Mengadakan lawatan sambil belajar. Meramalkan penggunaan sumber tenaga di negara Malaysia.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

		Aras 2
		
		• Menanda dan menamakan taburan sumber tenaga di atas peta negara Malaysia.
		
		• Menghuraikan penggunaan sumber tenaga negara Malaysia:
		  • petroleum dan gas asli
		  • kuasa hidroelektrik
		  • suria
		  • arang batu
		  • nuklear
		  • biomas/biojisim
		
		Aras 3
		
		• Membuat kesimpulan tentang penggunaan sumber tenaga negara Malaysia pada masa depan seperti:
		  • kemajuan teknologi
		  • kitar semula
			* Berusaha membangunkan negara Malaysia
			- menghargai usaha-usaha yang diambil untuk memajukan sumber tenaga negara Malaysia.	

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

d. Sumber tenaga di negara lain		**Memahami jenis sumber tenaga negara lain**
		
		Aras 1
		
		• Menyenaraikan jenis sumber tenaga negara lain:
		  • suria (Jepun)
		  • ombak (Perancis)
		  • pasang surut (China)
		  • angin (Belanda)
		  • biomas/biojisim (India)
		  • geoterma (Iceland)
		
		Aras 2
		
		• Menghuraikan penggunaan sumber tenaga di negara lain
		  • suria (Jepun)
		  • ombak (Perancis)
		  • pasang surut (China)
		  • angin (Belanda)
		  • biomas/biojisim (India)
		  • geoterma (Iceland)
				Mengumpul maklumat tentang jenis-jenis tenaga gantian negara lain daripada pelbagai media seperti bahan bercetak dan internet.
				
				Menghasilkan buku skrap tentang jenis-jenis tenaga gantian negara lain.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

7.3 Kepentingan pelbagai sumber		**Memahami kepentingan penerokaan pelbagai sumber negara Malaysia.**
		
		Aras 1
		
		• Menerangkan kepentingan penerokaan pelbagai sumber negara Malaysia seperti:
		  • bahan mentah
		  • pekerjaan
		  • pendapatan negara
		  • pembukaan kawasan baru
		  • infrastruktur
		
		Aras 2
		
		• Menjelaskan dengan contoh kepentingan penerokaan pelbagai sumber negara Malaysia:
		  • bahan mentah
		  • pekerjaan
		  • pendapatan negara
		  • pembukaan kawasan baru
		  • infrastruktur
			* Mencintai negara Malaysia
			  - menghargai sumbangan sumber kepada pembangunan negara Malaysia.
				Membincangkan kepentingan penerokaan pelbagai sumber negara Malaysia berpandukan pelbagai media seperti bahan bercetak dan internet.
				
				Menghasilkan peta minda tentang kepentingan penerokaan pelbagai sumber negara Malaysia.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

		Aras 3
		
		• Menghubungkaitkan kepentingan penerokaan pelbagai sumber kepada pembangunan negara Malaysia seperti:
		  • pembandaran
		  • perindustrian
		  • infrastruktur		

7.4 Kesan penerokaan sumber terhadap alam sekitar	Pandang darat	**Memahami kesan penerokaan sumber terhadap alam sekitar negara Malaysia.**
		
		Aras 1
		
		• Menyenaraikan kesan penerokaan sumber terhadap alam sekitar negara Malaysia:
		  • perubahan pandang darat (landskap)
		  • kepupusan
		  • peningkatan suhu
		  • hakisan
		  • banjir
		  • pencemaran udara dan air
			* Mempertahankan negara Malaysia
			- prihatin terhadap kesan penerokaan sumber.
				Membincangkan kesan-kesan penerokaan sumber terhadap alam sekitar berpandukan pelbagai media seperti bahan bercetak dan internet.
				
				Menghasilkan buku skrap tentang kesan penerokaan sumber terhadap alam sekitar negara Malaysia.
				
				Mengadakan perbahasan bertajuk: Penerokaan sumber lebih banyak membawa kebaikan daripada keburukan.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

		Aras 2
		
		• Menghuraikan dengan contoh kesan penerokaan sumber terhadap alam sekitar negara Malaysia:
		  • perubahan pandang darat landskap
		  • kepupusan
		  • peningkatan suhu
		  • hakisan
		  • banjir
		  • pencemaran udara dan air		

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

7.5 Pengurusan sumber	Kepupusan
	Ekosistem
	Pemeliharaan
	Pemuliharaan
	Pembangunan lestari
		Memahami kepentingan dan langkah-langkah pengurusan sumber.
		
		Aras 1
		
		• Menyatakan kepentingan pengurusan sumber seperti:
		  • mengelakkan kepupusan
		  • menjamin bekalan sumber berterusan
		  • keseimbangan ekosistem
		
		• Menyenaraikan langkah-langkah pengurusan sumber yang dapat mengurangkan kesan negatif penerokaan sumber:
		  • pemeliharaan
		  • pemuliharaan
		
		Aras 2
		
		• Menghuraikan kepentingan pengurusan sumber:
		  • mengelakkan kepupusan
		  • menjamin bekalan sumber berterusan
		  • keseimbangan ekosistem
			* Mempertahankan negara Malaysia
			- bertanggungjawab memelihara alam sekitar negara Malaysia.
				Membincangkan kepentingan pengurusan sumber.
				
				Sumbang saran langkah-langkah pengurusan sumber yang dapat mengurangkan kesan negatif penerokaan sumber ke atas alam sekitar negara Malaysia.
				
				Mengadakan pertandingan melukis poster.
				
				Menghasilkan penanda buku bertemakan pengurusan sumber.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

		• Menghuraikan langkah-langkah pengurusan sumber:
		  • pemeliharaan
		  • pemuliharaan
		
		• Menghuraikan langkah-langkah pengurusan sumber air di Jepun.
		
		Aras 3
		
		• Mencadangkan langkah-langkah yang boleh diambil dalam pengurusan sumber untuk kegunaan masa depan.
				Membincangkan langkah-langkah pengurusan sumber air di Jepun.
				
				Mengumpul maklumat tentang langkah-langkah pengurusan sumber air di Jepun daripada pelbagai media seperti bahan bercetak dan internet.

TEMA 8: KEGIATAN EKONOMI

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

8.1 Kegiatan ekonomi utama	Taburan	**Memahami jenis dan taburan kegiatan ekonomi utama negara Malaysia.**
		
		Aras 1
		
		• Menyenaraikan jenis-jenis kegiatan ekonomi utama negara Malaysia:
		  • perkhidmatan (pelancongan, perdagangan, pengangkutan, kewangan dan pendidikan)
		  • perindustrian
		  • perlombongan
		  • pertanian
		  • pembalakan
		  • perikanan
		
		• Menentukan taburan kegiatan ekonomi utama berdasarkan peta negara Malaysia.
		
		Aras 2
		
		• Menanda dan menamakan taburan kegiatan ekonomi utama di atas peta negara Malaysia.
			* Berusaha membangunkan negara Malaysia
			- berbangga dengan tahap kemajuan kegiatan ekonomi negara Malaysia.
				Membincangkan jenis-jenis kegiatan ekonomi utama negara Malaysia berpandukan pelbagai media seperti bahan bercetak dan internet.
				
				Menunjukkan taburan kegiatan ekonomi utama berdasarkan peta negara Malaysia.
				
				Mengadakan tayangan video tentang kegiatan ekonomi utama negara Malaysia.
				
				Mengumpul gambar tentang kegiatan ekonomi utama negara Malaysia.
				
				Menghasilkan buku skrap tentang jenis dan taburan kegiatan ekonomi utama negara Malaysia.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
8.2 Faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi		**Memahami faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi negara Malaysia.** **Aras 1** • Menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi utama negara Malaysia: Faktor Fizikal • bentuk muka bumi • tanih • Iklim • bahan mentah Faktor kemanusiaan • teknologi • dasar kerajaan • pasaran • modal • infrastruktur • buruh	* Mencintai negara Malaysia - bersyukur kerana negara Malaysia boleh menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi.	Membincangkan faktor-faktor utama yang mempengaruhi kegiatan ekonomi utama negara Malaysia dengan berpandukan pelbagai media seperti bahan bercetak dan internet. Menghasilkan peta minda.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
		Aras 2 • Menerangkan dengan contoh faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi utama negara Malaysia: Faktor Fizikal • bentuk muka bumi • tanih • Iklim • bahan mentah Faktor kemanusiaan • teknologi • dasar kerajaan • pasaran • modal • infrastruktur • buruh		

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

8.3 Sumbangan kegiatan ekonomi terhadap pembangunan negara	Saling kaitan	**Memahami kepentingan kegiatan ekonomi terhadap pembangunan negara Malaysia.**
		
		Aras 1
		• Menyenaraikan kepentingan kegiatan ekonomi terhadap pembangunan negara Malaysia:
		  • peluang pekerjaan
		  • peningkatan taraf hidup
		  • pendapatan negara
		  • peningkatan infrastruktur
		  • pengurangan import
		  • pemindahan teknologi
		  • proses pembandaran
		
		Aras 2
		
		• Menghuraikan dengan contoh kepentingan kegiatan ekonomi terhadap pembangunan negara Malaysia.
		  • peluang pekerjaan
		  • peningkatan taraf hidup
		  • pendapatan negara
		  • peningkatan infrastruktur
		  • pengurangan import
		  • pemindahan teknologi
		  • proses pembandaran
			* Berusaha membangunkan negara Malaysia
			- berbangga dengan pembangunan ekonomi negara Malaysia.
				Sumbang saran kepentingan kegiatan ekonomi terhadap pembangunan negara Malaysia.
				
				Mengadakan pidato spontan.
				
				Menghasilkan buku skrap tentang kepentingan kegiatan ekonomi terhadap pembangunan negara Malaysia.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

8.4 Kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar	Kesan rumah hijau
	Penipisan lapisan ozon
	Pulau haba
	Hujan asid
		Memahami kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar negara Malaysia.
		
		Aras 1
		
		• Menyenaraikan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar negara Malaysia:
		  • kepupusan sumber
		  • pencemaran
		  • perubahan pandang darat (landskap)
		  • kesan rumah hijau
		  • penipisan lapisan ozon
		  • pulau haba
		  • hujan asid
			* Mempertahankan negara Malaysia
			- bertanggungjawab memelihara alam sekitar negara Malaysia.
				Membincangkan kesan kegiatan ekonomi negara Malaysia berpandukan pelbagai media seperti bahan bercetak dan internet
				
				Mengadakan pertandingan melukis poster.
				
				Mengadakan pertandingan menulis esei.
				
				Meramalkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar negara Malaysia.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

		Aras 2
		
		• Menjelaskan dengan contoh kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar negara Malaysia:
		  • kepupusan sumber
		  • pencemaran
		  • perubahan pandang darat (landskap)
		  • kesan rumah hijau
		  • penipisan lapisan ozon
		  • pulau haba
		  • hujan asid
		
		Aras 3
		
		• Merumus tentang kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar negara Malaysia.		

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
8.5 Langkah-langkah mengurangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar	Pemeliharaan Pemuliharaan	**Memahami langkah-langkah mengurangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar.** **Aras 1** • Menyenaraikan langkah-langkah mengurangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar negara Malaysia: • penghutanan semula • kitar semula • pendidikan alam sekitar • kempen • penguatkuasaan undang-undang • penyelidikan dan pembangunan (R&D) • penggunaan bahan sumber tenaga mesra alam	* Mencintai negara Malaysia - prihatin terhadap penjagaan alam sekitar	Sumbang saran langkah-langkah mengurangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar negara Malaysia Membincangkan langkah-langkah mengurangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar negara lain berpandukan pelbagai media seperti bahan bercetak dan internet. Melengkapkan pengurusan grafik tentang persamaan dan perbezaan langkah-langkah mengurangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar negara Malaysia dengan negara lain. Menghasilkan buku skrap tentang langkah-langkah mengurangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar negara Malaysia dengan negara lain.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

		Aras 2
		
		• Menghuraikan langkah-langkah mengurangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar negara Malaysia:
		  • penghutanan semula
		  • kitar semula
		  • pendidikan
		  • kempen
		  • penguatkuasaan undang-undang
		  • penyelidikan dan pembangunan (R&D)
		  • penggunaan sumber tenaga mesra alam		

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

		Aras 3
		
		• Membandingkan dan membezakan langkah-langkah mengurangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar negara Malaysia dengan negara lain:
		  • kitar semula (Jerman,Denmark,Taiwan)
		  • rawat semula air (Jepun,Singapura,China)
		
		• Mencadangkan langkah-langkah lain bagi mengurangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar.		

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

8.6 Kepentingan kerjasama ekonomi antarabangsa	Saling bergantung
	Saling kaitan
		Memahami kepentingan kerjasama ekonomi antarabangsa.
		
		Aras 1
		
		• Menyatakan kepentingan kerjasama ekonomi antarabangsa:
		  • pemindahan teknologi
		  • hubungan perdagangan
		  • pelaburan/modal
		  • pasaran
		  • buruh
		  • bahan mentah
		
		Aras 2
		
		• Menjelaskan dengan contoh kepentingan kerjasama ekonomi antarabangsa.
		
		Aras 3
		
		• Merumus tentang kesan kerjasama ekonomi antarabangsa pada masa depan.
			* Berusaha membangunkan negara Malaysia
			- menghargai usaha kerajaan dalam membangunkan ekonomi negara.
				Sumbang saran kepentingan kerjasama ekonomi antarabangsa.
				
				Mengadakan syarahan tentang kepentingan kerjasama ekonomi antarabangsa.
				
				Meramalkan kesan kerjasama ekonomi antarabangsa kepada negara Malaysia.

BAHAGIAN C: KAJIAN GEOGRAFI TEMPATAN

Bahagian ini memberi penegasan kepada kerja amali untuk menghubungkaitkan aspek Geografi dalam organisasi ruangan. Kawasan persekitaran murid digunakan sebagai konteks pengajaran dan pembelajaran untuk memahami beberapa aspek organisasi ruangan.

Keadaan saling berkait dan saling bergantung antara alam sekitar dengan manusia perlu dijelaskan. Semangat mencintai dan menghargai kawasan sendiri dapat disemai melalui pemahaman tentang ciri-ciri istimewa yang wujud hasil daripada proses interaksi yang berlaku.

Dalam pengajaran dan pembelajaran Kajian Geografi Tempatan (KGT), tema-tema dalam Sukatan Pelajaran perlu dipelajari secara bersepadu. Kawasan kajian sama ada:

a) rumah dan persekitaran, atau
b) sekolah dan persekitaran, atau
c) mana-mana kawasan antara rumah dan sekolah.

Arahan Am

- Semua murid Tingkatan 3 **wajib** menjalankan KGT.
- Kerja lapangan boleh dijalankan secara individu atau berkumpulan tetapi laporan KGT hendaklah dibuat secara individu.
- Kajian ini berasaskan mana-mana satu tema yang diajar di Tingkatan 1, 2 dan 3.
- Skala kawasan kajian meliputi kawasan tidak melebihi 20km persegi.
- Sekiranya kajian melibatkan temu bual, saiz sampel tidak melebihi 30 orang responden.
- KGT dijalankan mulai awal tahun selama enam hingga lapan minggu.
- Kerja lapangan tidak menggunakan waktu pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.
- Laporan KGT mesti dinilai dan diambil kira dalam pemarkahan keseluruhan Geografi PMR.
- Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi untuk mencari maklumat dan penulisan laporan digalakkan.
- Panjang laporan **Hasil Kajian** tidak lebih daripada 350 patah perkataan.
- Laporan KGT hendaklah disediakan dalam kertas bersaiz A4.
- Laporan yang disediakan perlu menyentuh semua kriteria yang ditetapkan dalam format penulisan laporan.

Format penulisan laporan

1. Tajuk kajian
2. Senarai kandungan
3. Penghargaan
4. Pendahuluan
5. Objektif kajian
6. Kawasan kajian
7. Kaedah kajian
8. Hasil kajian
9. Rumusan
10. Lampiran
11. Rujukan

CADANGAN TAJUK-TAJUK KAJIAN GEOGRAFI TEMPATAN

TEMA 7: SUMBER

TAJUK	OBJEKTIF KAJIAN	UNSUR PATRIOTISME	PANDUAN MENJALANKAN KAJIAN GEOGRAFI TEMPATAN
Kesan penerokaan sumber di kawasan kajian	• Mengenal pasti jenis-jenis sumber utama di kawasan kajian. • Memilih dan menerangkan satu jenis sumber yang terdapat di kawasan kajian.	* Mencintai negara Malaysia - menghargai sumbangan sumber di kawasan kajian.	Menentukan lokasi kawasan kajian menggunakan peta lakar. Menerangkan jenis-jenis sumber utama di kawasan kajian: - mineral - hutan - tanih - air Membincang dan memilih satu jenis sumber yang terdapat di kawasan kajian. Membimbing murid memproses maklumat dan data yang sesuai. Membincangkan kesan penerokaan sumber di kawasan kajian. Kesan positif seperti: - memajukan kegiatan ekonomi setempat - peluang pekerjaan - infrastruktur Kesan negatif seperti: - hakisan - pencemaran

TAJUK	OBJEKTIF KAJIAN	UNSUR PATRIOTISME	PANDUAN MENJALANKAN KAJIAN GEOGRAFI TEMPATAN

	• Merekod dan mempersembahkan maklumat dan data dalam bentuk:
	  • jadual
	  • graf
	  • carta pai
	  • peta
	  • rajah
	
	• Merumus kesan penerokaan sumber tersebut di kawasan kajian.
			Menerangkan teknik membuat rumusan.
			
			Selain daripada tajuk yang diberikan, guru boleh memilih tajuk-tajuk yang berkaitan dengan sumber contoh:
			- isu-isu semasa yang berkaitan dengan sumber di kawasan kajian.

TEMA 8: KEGIATAN EKONOMI

TAJUK	OBJEKTIF KAJIAN	UNSUR PATRIOTISME	PANDUAN MENJALANKAN KAJIAN GEOGRAFI TEMPATAN
Sumbangan kegiatan ekonomi terhadap pembangunan kawasan kajian	• Mengenal pasti pelbagai kegiatan ekonomi di kawasan kajian. • Memilih satu jenis kegiatan ekonomi di kawasan kajian. • Mengkaji sumbangan kegiatan ekonomi tersebut terhadap pembangunan di kawasan kajian.	* Berusaha membangunkan negara Malaysia - berbangga dengan tahap kemajuan kegiatan ekonomi setempat.	Menentukan lokasi kawasan kajian menggunakan peta lakar. Menerangkan pelbagai kegiatan ekonomi di kawasan kajian. - pertanian - perikanan - perlombongan - pembalakan - perindustrian - perkhidmatan (pelancongan, perdagangan, pengangkutan, kewangan dan pendidikan) Membincang dan memilih satu jenis kegiatan ekonomi yang terdapat di kawasan kajian. Membimbing murid memproses maklumat dan data yang sesuai.

TAJUK	OBJEKTIF KAJIAN	UNSUR PATRIOTISME	PANDUAN MENJALANKAN KAJIAN GEOGRAFI TEMPATAN

	• Merekod dan mempersembahkan maklumat dan data yang diperoleh dalam bentuk yang sesuai seperti:
	  • jadual
	  • graf
	  • carta pai
	  • rajah
	  • peta
	
	• Merumus sumbangan kegiatan ekonomi tersebut terhadap pembangunan di kawasan kajian.
			Membincangkan sumbangan kegiatan ekonomi tersebut terhadap pembangunan di kawasan kajian seperti:
			- peluang pekerjaan
			- peningkatan taraf hidup
			- peningkatan infrastruktur
			- pemindahan teknologi
			- pendapatan
			
			Menerangkan teknik membuat rumusan.
			
			Selain daripada tajuk yang diberikan guru boleh memilih tajuk-tajuk yang berkaitan dengan kegiatan ekonomi contoh:
			- isu-isu semasa berkaitan dengan kegiatan ekonomi di kawasan kajian.